

http://www.konsumerkini.net.my/v1/images/stories/image2011/images_20110408_retire.jpg



Pada umur berapakah anda patut fikir tentang persaraan? Adakah anda berasa persaraan itu untuk warga emas sahaja dan tidak ada kena mengena dengan anda? Sebenarnya tanggapan seperti itu adalah dangkal sama sekali.

Sebaik sahaja anda mulai bekerja, anda perlu memikirkan tentang persaraan, walaupun usia persaraan anda masih kelihatan jauh lagi. Plan persaraan memerlukan perancangan yang teliti dan berpanjangan untuk memastikan anda tidak perlu bimbang tentang masalah kewangan setelah bersara.

Mungkin anda berfikir simpanan dalam KWSP adalah plan persaraan anda. Adakah simpanan KWSP itu cukup untuk menampung perbelanjaan anda selepas bersara? Menurut statistik daripada KWSP, terdapat sebahagian pesara menghabiskan simpanan KWSP mereka dalam masa 3 hingga 5 tahun. Usia untuk bersara ialah 55 tahun, jangka hidup rakyat Malaysia ialah 75 tahun.

Ini bermaksudnya masih ada tempoh selama 20 tahun untuk menjalani kehidupan tanpa bergaji. Jika seseorang itu menghabiskan simpanan KWSP dalam masa 3 tahun, maka baki 17 tahun hidupnya dihabiskan tanpa pendapatan. Lebih-lebih lagi untuk mereka yang tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Pada usia yang semakin meningkat, mereka lebih cenderung untuk menghadapi pelbagai penyakit, terutama yang berkaitan dengan gaya hidup atau cara pemakanan seperti diabetes, penyakit darah tinggi atau sakit jantung. Kos perubatan yang semakin meningkat pastinya akan menambahkan beban apabila bersara.

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Citibank, terdapat 66% rakyat Malaysia tidak yakin dengan plan persaraan mereka. Hanya 22% sahaja rakyat Malaysia yang mempunyai plan persaraan. Menurut kepada satu kajian internet yang dijalankan oleh Nielsen baru-baru ini, didapati bahawa hanya 21% rakyat Malaysia percaya mereka bersedia dari segi kewangan untuk persaraan, 44% rakyat Malaysia tidak pasti dan lebih daripada 1/3 daripada rakyat Malaysia berkata mereka tidak bersedia dari segi kewangan untuk bersara. Data-data ini

RANCANG PELAN PERSARAAN SEKARANG SUPAYA HIDUP SENANG APABILA BERSARA

Written by Yu Kin Len
Friday, 08 April 2011 10:36

menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia tidak yakin dengan pelan persaraan dirinya.

Andainya RM500 diperlukan setiap bulan untuk menampung kehidupan harian, ini bermakna sekurang-kurangnya RM 120,000 diperlukan untuk persaraan selepas mencapai usia 55 tanpa mengambil kira kadar inflasi, dan juga kos perubatan yang mungkin diperlukan.

Pada usia yang tua, kesihatan amat penting. Kos perubatan merupakan perbelanjaan utama yang boleh mengikis wang persaraan anda. Menurut daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), salah satu sebab utama orang gagal dalam menguruskan kredit mereka ialah kerana kos perubatan yang tinggi. Walaupun mungkin anda mempunyai insurans perubatan dan hayat yang boleh melindungi sebarang penyakit kritikal dan kecacatan, namun ia tidak meliputi sebarang proses dan preskripsi yang anda perlukan seperti penyakit kurang serius seperti selesema atau demam, dan juga penyakit masyarakat moden seperti darah tinggi dan kencing manis.

Kadangkala insurans hanya melindungi sesetengah penyakit sahaja. Dengan kos perubatan yang semakin meningkat dan gaya hidup yang kurang sihat, persiapan yang mencukupi amat perlu bagi memastikan seseorang dapat hidup dengan sejahtera.

Selain KWSP, anggota perkhidmatan awam mempunyai pelan pencen. Pencen dapat menampung keperluan harian, tetapi mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi kemahuan setelah bersara, seperti melancong atau membeli sesuatu yang diinginkan.

Daripada kajian Nielsen menunjukkan 77% rakyat Malaysia memilih melancong sebagai aktiviti utama mereka selepas bersara. Pelan persaraan yang berkesan dapat menolong mereka untuk bersara dengan hati yang senang dan bebas daripada masalah kewangan.

Bermula pelan persaraan sekarang supaya anda dapat hidup dengan senang-lenang selepas bersara nanti.

Yu Kin Len
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna